

SEJARAH ADAT DAN BUDAYA *PEMMALI* MASYARAKAT BUGIS DI SANDAKAN

History of Pemmali Customs and Culture of The Bugis Community in Sandakan

Nursyahfiqah Shahirah Akasyah Shammsuddin¹

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

¹*Syahfiqahakasyah09@gmail.com*

Dihantar: 24 Jun 2024 / Diterima: 11 Julai 2024 / Terbit: 31 Disember 2024

Abstrak

Kekayaan warisan adat dan budaya telah mewarnai kehidupan bermasyarakat di negeri Sabah. Kepelbagaian adat dan budaya menjadi cerminan identiti sosial masyarakat yang harus difahami melalui perspektif dan elemen budaya. Oleh itu, artikel ini bertujuan mengupas adat dan budaya *Pemmali* sebagai warisan kebudayaan masyarakat Bugis Sabah khususnya di daerah Sandakan. Artikel ini juga akan mengetengahkan asal-usul dan faktor migrasi masyarakat Bugis ke Sandakan bersama-sama dengan kelangsungan amalan adat dan budaya *Pemmali* yang dibawa dari tanah leluhur Bugis (Sulawesi Selatan). Dalam pada itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis perkembangan amalan adat dan budaya *Pemmali* bagi mengetengahkan beberapa isu dan cabaran dalam *Pemmali* sekaligus memberikan cadangan dan langkah bagi mengatasi isu dan cabaran tersebut. Metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif bagi mendapatkan sumber primer dan sekunder melalui kaedah kepustakaan dan temu bual. Hasil kajian mendapati adat dan budaya *Pemmali* masyarakat Bugis adalah sebuah sistem pantang larang yang dibawa dari tanah leluhur mereka. Kajian ini juga mendapati bahawa perkembangan adat dan budaya *Pemmali* telah diklasifikasikan kepada *Pemmali* yang mempunyai sebab dan akibat dan *Pemmali* yang tidak mempunyai sebab dan akibat. Selain itu, kajian ini turut mendapati enam isu utama iaitu globalisasi, pertentangan budaya dengan nilai moden, pengaruh dan pertentangan agama, migrasi dan asimilasi, kurangnya penyelidikan dan pendokumentasian serta kurangnya pemeraksanaan peranan daripada pihak berkepentingan. Justeru itu,

kajian ini diharap akan menjadi salah satu rujukan dan bahan bantu kepada semua pihak agar pendokumentasian adat dan budaya masyarakat Bugis terutamanya *Pemmali* dapat digiatkan secara menyeluruh bagi memelihara kelangsungan khazanah adat dan budaya.

Kata Kunci: Adat, Budaya, *Pemmali*, Masyarakat Bugis, Sandakan.

Abstract

The wealth of traditional and cultural heritage has colored community life in Sabah. The diversity of customs and culture reflects the social identity of the community which should be understood through cultural perspectives and elements. Therefore, this article aims to examine the customs and culture of Pemmali as a cultural heritage of the Sabah Bugis community, especially in the Sandakan district. This article will also highlight the origins and factors of the migration of the Bugis community to Sandakan along with the survival of Pemmali customs and culture brought from the ancestral land of the Bugis (South Sulawesi). In the meantime, this study aims to analyze the development of traditional practices and the culture of Pemmali to highlight some issues and challenges in Pemmali and provide recommendations and steps to overcome these issues and challenges. The research methodology used is a qualitative method to obtain primary and secondary sources through library and interview methods. The results of the study found that the customs and culture of the Bugis community is a taboo system brought from their ancestral land. This study also found that the development of Pemmali customs and culture has been classified into Pemmali which has cause and effect and Pemmali which does not have cause and effect. In addition, this study also found six main issues, namely globalization, cultural conflict with modern values, religious influence and conflict, migration and assimilation, lack of research and documentation, and lack of role empowerment from stakeholders. Therefore, it is hoped that this study will be one of the references and helpful materials for all parties so that the documentation of the customs and culture of the Bugis community, especially the Pemmali community, can be intensified comprehensively to preserve the continuity of customs and cultural treasures.

Keywords: *customs and culture, Pemmali, Bugis, Sandakan.*

Pengenalan

Masyarakat Bugis adalah masyarakat yang berketurunan Sulawesi Selatan, Indonesia dan kini tertumpu di kawasan Selatan Semenanjung Malaysia serta beberapa kawasan Pantai Timur Sabah. Sejarah mengatakan bahawa masyarakat Bugis telahpun berhijrah ke Tanah Melayu dan Borneo Utara sebelum negara mencapai kemerdekaan dan diandaikan bahawa masyarakat Bugis adalah antara suku kaum yang paling awal berada di Tanah Melayu.

Pergolakan politik di tanah air mereka (Kepulauan Sulawesi) dan pelbagai faktor lain telah membuatkan masyarakat Bugis untuk melakukan migrasi. Penghijrahan dan migrasi masyarakat Bugis ini telah berlaku dalam beberapa peringkat dan fasa sejak awal abad ke-17 lagi. Penghijrahan mereka juga ditandai dengan kejatuhan kerajaan Somba Opu di Sulawesi Selatan. Kemaraan pemerintahan Belanda di Indonesia juga menjadi pendorong utama penghijrahan kaum Bugis ke Malaysia terutamanya Sabah dan Johor. Sifat perantau dalam diri mereka membolehkan masyarakat Bugis menjalankan migrasi besar-besaran ke Tanah Melayu dan negeri Sabah sekitar abad ke-17. Penghijrahan ini telah membuatkan suku kaum Bugis ini semakin berkembang. Walaupun penghijrahan ke tanah luar berlaku, namun kaum Bugis masih mampu mengekalkan identiti budaya dan adat mereka sehingga dikenali di setiap pelosok Malaysia. Kedatangan masyarakat Bugis di Sabah sebagai golongan minoriti dengan masyarakat tempatan kini telah melihatkan mereka sebagai pendominasi penduduk Pantai Timur Sabah termasuklah daerah Sandakan. Penghijrahan masyarakat Bugis ke Pantai Timur Sabah bukan sahaja sekadar berhijrah membawa diri tetapi turut membawa adat dan kebudayaan yang sangat mereka bangga dan sanjungi. Oleh hal yang demikian, artikel ini akan mengupas dengan lebih lanjut mengenai perkembangan adat dan budaya *Pemmali* masyarakat bugis di Sandakan, Sabah.

Asal Usal Masyarakat Bugis

Menurut Shela *et. al.*, (2022), suku kaum Bugis ini merupakan masyarakat yang berasal dari Sulawesi Selatan sebagai tanah leluhur mereka. Menyentuh berkenaan Sulawesi Selatan, terdapat tiga suku kaum yang sering dikelompokkan bersama iaitu orang Bugis, Makassar dan Mandar yang merupakan tiga identiti berbeza. Ketiga-ketiga

kelompok masyarakat ini memainkan peranan penting dalam sistem sosio-politik masyarakat di Sulawesi Selatan sebelum adanya campur tangan pihak penjajah. Perkataan Bugis berasal daripada kata *To Ugi* yang membawa erti sebagai orang Bugis (Yuniar Rahmatiar *et. al.*, 2021:92). Memandangkan taburan masyarakat Bugis di Sulawesi Selatan adalah lebih ramai berbanding suku bangsa yang maka orang Sulawesi Selatan menggelarkan diri mereka sebagai orang Bugis. Misalnya, orang Makassar menggelarkan diri mereka sebagai Bugis-Makassar, orang Mandar menggelarkan diri mereka sebagai Bugis-Mandar dan begitu juga dengan suku bangsa lain yang mendiami wilayah selatan ini.

Orang Bugis disinonimkan sebagai sebuah bangsa pelaut yang handal dan gagah dalam peperangan. Masyarakat ini juga sering dikaitkan dengan aktiviti perdagangan yang mereka usahakan di sepanjang pesisir pantai Asia Tenggara sehingga berjaya membuka jurang dan hubungan perdagangan yang luas. Selain daripada kebijaksanaan mereka dalam menjalankan urusan jual beli, orang Bugis juga mempunyai kemahiran yang tinggi dalam aktiviti pembuatan kapal laut yang bukan sahaja digunakan untuk berdagang tetapi juga untuk peperangan. Dalam masa yang sama, orang Bugis mempunyai satu nilai yang sentiasa diterapkan dalam diri mereka iaitu satu sifat yang sentiasa ingin meningkatkan kualiti dan taraf hidup mereka. Perkara ini seterusnya menanamkan semangat dalam diri masyarakat Bugis untuk keluar merantau dari kampung halaman mereka untuk menimba ilmu, meluaskan hubungan perdagangan dan mencari rezeki. Semangat tinggi yang dipunyai oleh masyarakat Bugis ini selaras dengan konsep *masappa dalle'* yang bererti keluar mencari rezeki dan hal-hal serta nasib yang baik (Gene Ammarell, 2002:52). Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah mengapa orang-orang Bugis ini berdiaspora di sekitar Nusantara selepas berlakunya konflik di tanah leluhur mereka.

Adapun keadaan geografi Makassar pada ketika itu telah menyumbang kepada keberhasilan hasil ekonomi menerusi aktiviti perdagangan - para pedagang dari barat Nusantara misalnya Melaka, Sumatera dan Jawa turut berpangkalan di Makassar untuk menjalankan perniagaan mereka. Sehingga pada tahun 1602 Masihi, berlaku persaingan perdagangan rempah dari Kepulauan Maluku antara Kesultanan Makassar dengan pihak *Dutch East India Company* (VOC). Harga rempah di Makassar adalah jauh lebih rendah berbanding dengan yang dijual oleh VOC, telah menjadi faktor menarik para pedagang misalnya dari Portugis dan Spanyol untuk datang berdagang di

pelabuhan Makassar berbanding pelabuhan yang dibangun oleh VOC. Perkara ini seterusnya membuatkan VOC berasa perdagangannya diganggu dan mula mencari helah untuk menimbulkan konflik di tanah Makassar. Rentetan sikap tamak VOC inilah yang membawa kepada tercetusnya Perang Makassar 1666 dan menjadi titik tolak pergolakan politik antara Makassar, Bone dan VOC - apabila Kerajaan Bone mula bersekongkol dengan VOC untuk menjatuhkan Makassar berdasarkan dendam atas kekalahan sebelumnya (Nor Shela *et. al.*, 2022:230). Perang yang tercetus ini telah menjadi permulaan penghijrahan keluar masyarakat Bugis dan Makassar dari tanah air mereka.

Walaupun Perjanjian Bungaya telah ditandatangani pada 1667 untuk menandakan berakhirnya Perang Makassar, namun isinya tidak menghentikan pertelingkahan dan ketegangan antara pihak yang terlibat. Walaupun VOC berada di pihak Kerajaan Bone yang pada ketika itu diteruskan oleh Arung Palakka sebagai penguasa baru Sulawesi Selatan, tetapi VOC juga dalam gerak berjaga-jaga untuk menghalang kebangkitan kerajaan-kerajaan lain dan risau akan muncul gerakan kebangkitan yang akan menghasilkan kerajaan kuat seperti Makassar sebelumnya. Perkara ini seterusnya menjadi faktor pemangkin kepada eksodus masyarakat Bugis, Makassar dan Mandar di penghujung abad ke-17.

Dalam konteks negara Malaysia, orang Bugis mempunyai susur galur sejarah yang panjang dan terlibat dalam proses kemerdekaan Tanah Melayu satu ketika dahulu. Masyarakat Bugis merupakan antara rumpun Melayu yang terdapat di Nusantara dan kini dapat ditemukan di serata kawasan seperti Singapura, Madagascar, Eropah dan termasuklah Malaysia. Dalam konteks wilayah Borneo khususnya negeri Sabah, kehadiran orang Bugis dapat dikesan seawal tahun 1800 semasa sekumpulan orang Bugis membuka kawasan dan tanah baharu di daerah Tawau yang diketuai oleh Pua Ado. Namun, senario pada ketika itu melihatkan orang Bugis di Tawau mempunyai kebiasaan untuk berulang-alik menggunakan jalan laut dari tanah asal mereka di Indonesia.

Walaupun demikian, terdapat segelintir masyarakat Bugis mula tinggal menetap di daerah Tawau apabila mereka mengambil keputusan untuk berkahwin dengan masyarakat tempatan. Rentetan daripada perkara ini, perkembangan masyarakat Bugis dapat dilihat secara ketara di wilayah Borneo Utara dengan sebahagian daripada mereka mula

bermastautin sehingga mendapat kewarganegaraan Malaysia. Sehingga ke hari ini, masyarakat Bugis telah menjadi pendominasi masyarakat di sebelah pantai timur negeri Sabah bersama-sama masyarakat pribumi yang lain.

Faktor Penghijrahan Masyarakat Bugis

Perbincangan mengenai faktor penghijrahan masyarakat Bugis dapat dilihat melalui beberapa faktor dalaman dan luaran. Antaranya ialah kegawatan politik yang melanda tanah leluhur mereka. Tempoh 1667 sehingga 1777 melihatkan proses penghijrahan besar-besaran masyarakat Bugis dan Makassar ke Tanah Melayu dan Borneo. Faktor penghijrahan masyarakat Bugis dapat dikelompokkan kepada faktor dalam dan luaran yang menjadi pemangkin penghijrahan mereka. Melihat kepada faktor dalaman yang pertama, pergelutan politik yang berlaku di Sulawesi Selatan ini telah membuatkan masyarakat Bugis khususnya untuk keluar dari tanah leluhur mereka. Konflik politik ini sememangnya sudah wujud sebelum kedatangan Belanda dan VOC lagi yang mana ketegangan politik yang berlaku di Sulawesi Selatan menyukarkan kegiatan perekonomian masyarakat untuk dijalankan (Rahilah Omar *et. al.*, 2009:43). Pergelutan antara bangsawan-bangsawan Bugis untuk merebut takhta pemerintahan turut mengeruhkan lagi keadaan politik tempatan. Tambahan lagi, selepas kedatangan Belanda, konflik-konflik politik ini menjadi semakin besar dan tidak terkawal sehingga meletusnya Perang Makassar.

Faktor dalaman yang kedua dapat dilihat melalui konsep *siri'* dan *pesse'* yang menjadi teras dalam kehidupan setiap individu Bugis dan disebut sebagai identiti sosial masyarakat Bugis. *Siri'* dapat ditakrifkan sebagai jiwa, harga diri dan martabat bagi masyarakat Bugis. Nilai *Siri'* yang ada dalam diri seseorang individu khususnya lelaki telah membangkitkan semangat keberanian untuk tidak mundur dalam kehidupan. *Siri'* ini juga dijelaskan sebagai satu perasaan yang merasa di aibkan akibat kesalahan sendiri atau nasib yang menimpa seseorang. Dalam konteks ini, masyarakat Bugis keluar berhijrah akibat perasaan malu rentetan kekalahan dalam siri-siri perang yang berlaku di tanah air mereka. Oleh itu, pemulihan *siri'* dalam diri seseorang Bugis itu mereka beranggapan bahawa mereka perlu untuk keluar bekerja keras dan bertanggungjawab atas nasib keluarga mereka pada masa hadapan. Nilai *Siri'* ini juga dikaitkan dengan nilai *Pesse'* yang membawa erti

kesatuan dan rasa empati yang tinggi dalam masyarakat Bugis-Makassar sepertimana yang dijelaskan oleh Ivie (2010),

"If it is not siri" which makes us, the Makassar people, one, then it is pacce (Ikambe mangkasaraka, punna tasiri, paceseng nipabubulo sibatanngang), and "If there is no longer siri' among us, Bugis, at least there is certain to be pësse (Ia sempugikku, rekkua de'na siri'na ñngka mëssa pëssena)" (Ivie Carbon Esteban, 2010:132)

Ada juga keadaan dimana kegagalan migrasi dan penghijrahan masyarakat Bugis membuatkan sesetengah mereka tidak kembali lagi ke tanah air disebabkan pegangan hidup mereka bersandarkan nilai siri' dan pesse' itu sendiri.

Selain itu, faktor luaran juga menjadi pemangkin kepada penghijrahan masyarakat Bugis ke Tanah Melayu dan Borneo. Misalnya, kemajuan dan kepesatan ekonomi yang giat berlangsung di kawasan ini seperti Pembukaan tanah-tanah baharu di Tanah Melayu dan Borneo telah menarik masyarakat Bugis untuk meneroka kawasan-kawasan baharu ini. Perkara ini dapat dilihat melalui pembukaan tanah-tanah dan kawasan oleh Kesultanan Johor yang menggalakkan kedatangan perantau-perantau untuk sama-sama memajukan kerajaan Johor. Dalam masa yang sama, pihak Inggeris di Tanah Melayu sekitar abad ke-19 telah pun memberikan peluang yang luas kepada siapapun yang ingin mengusahakan tanah. Melihat konteks penghijrahan masyarakat Bugis ke Borneo, daerah Tawau telah menjadi lokasi penghijrahan orang Bugis dari Sulawesi Selatan. Perkara ini disokong melalui galakan pemerintah seperti pihak Belanda yang mengarahkan penghulu-penghulu Bugis untuk mencari lebih ramai buruh bagi mengerjakan ladang-ladang kelapa di Tawau pada ketika itu. Inisiatif penghulu-penghulu Bugis inilah menjadi asas kepada pertapakan tetap masyarakat Bugis yang semakin ramai di daerah Tawau. Keadaan ini semakin merancak sejurus tamatnya Perang Dunia Kedua apabila sekitar tahun 1954, kemasukan berterusan masyarakat Bugis ke daerah Tawau dicatatkan atas sebab peluang hidup yang tersedia lebih baik berbanding di tanah air mereka.

Penghijrahan masyarakat Bugis ini kemudiannya didasari oleh strategi kepentingan ekonomi mereka. Hal ini dapat dilihat melalui peranan perantau-perantau Bugis yang mula meneroka dan membuka tanah di Borneo, Sumatera dan Tanah Melayu melalui aktiviti pembersihan kawasan hutan dan seterusnya membuka ladang-ladang kelapa, koko, getah, kelapa sawit dan gambir (Suraya Sintang, 2005:85). Tambahan lagi, sekitar tahun 1931, British mula memutuskan kontrak untuk membawa masuk buruh-buruh Jawa ke Borneo Utara. Justeru, masyarakat Bugis dari tanah air mereka secara sukarela dengan menaiki kapal-kapal kecil milik mereka dan merantau ke Borneo Utara. Perbuatan mereka berjaya membeli keyakinan daripada pemodal-pemodal China dan British untuk menerima mereka bekerja di ladang-ladang getah, kelapa dan koko yang berkembang disekitar pantai timur Borneo Utara termasuklah Sandakan.

Peningkatan permintaan terhadap kelapa semasa pemerintahan SBBUB di Sabah turut menjadi faktor kemasukan beramai-ramai kaum Bugis ke Sabah. Pihak SBBUB bertindak memberi galakan kepada orang-orang kaya Bugis dan bangsawan Bugis untuk membuka kawasan perladangan di Borneo Utara demi memastikan keperluan pasaran dunia dapat dipenuhi. Melalui hal ini, kemasukan dan penghijrahan beramai-ramai masyarakat Bugis ke Tawau telah melalui proses asimilasi budaya dan etnik sehingga berjaya menjadikan etnik Bugis sebagai masyarakat Melayu Tawau yang berketurunan Bugis. Akhir sekali, orang Bugis yang berhijrah ke Tawau telah melakukan penghijrahan keluar ke beberapa daerah lain di Sabah seperti Kunak, Lahad Datu, Semporna dan Sandakan disebabkan tarikan ekonomi ataupun perkahwinan yang dijalankan dengan masyarakat tempatan. Seterusnya, pengamalan adat kebudayaan Bugis berjaya mendapat tempat dan diterima dalam kebudayaan masyarakat perbumi Sabah.

Sistem dan Elemen Budaya Masyarakat Bugis


Secara umumnya, budaya merupakan satu elemen yang membentuk identiti sesebuah peradaban dan masyarakat. Budaya juga dilihat sebagai sebuah sistem yang merangkumi keseluruhan hidup dan dipraktikkan oleh masyarakatnya. Hal ini termasuklah unsur sosial, kepercayaan, agama, ekonomi dan sebagainya. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Mohd Taib Osman (1988), menjelaskan makna budaya sebagai sebuah himpunan keintelektualan dan kebendaan yang lengkap untuk memenuhi kehendak biologi dan kemasyarakatan serta

menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling (Mohd Taib Osman, 1988:14). Budaya juga adalah satu dimensi penyelesaian yang dicipta oleh manusia untuk menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling dalam usaha untuk menjadi masyarakat yang bertamadun terhadap kehidupan masing-masing (Khairiyah Mohd. Yasin, 2014:26). Maka dengan itu, kebudayaan dapat dijelaskan sebagai sesuatu yang mencakupi sistem pengetahuan sama ada berbentuk idea atau gagasan yang terdapat dalam pemikiran manusia untuk proses pembangunan sesuatu peradaban. Hal ini merangkumi elemen seperti kerohanian, jasmani dan intelek yang dirangkumkan dalam kehidupan seharian sehingga disebut sebagai sesuatu yang bersifat abstrak. Kebudayaan meliputi aspek kehidupan termasuklah perilaku dan benda yang bersifat nyata seperti bahasa, peralatan hidup, agama, organisasi sosial, kesenian dan pola perilaku untuk membantuk manusia melangsungkan kehidupan bermasyarakat.

Dalam sistem sosial masyarakat, kebudayaan merupakan identiti dan sistem nilai yang menjadi pedoman dan set peraturan hidup masyarakat kerana dianggap sebagai kerangka acuan untuk mereka bertingkah laku. Kebudayaan ini seterusnya berakar menjadi sebuah tradisi yang sangat sinonim dan sukar untuk berubah dalam masyarakat. Dikenali sebagai masyarakat yang memandang tinggi akan nilai *siri'* dan *pesse'*, penghijrahan masyarakat Bugis digelar sebagai sebuah penghijrahan yang bukan sekadar membawa diri bahkan merupakan sebuah penghijrahan membawa warisan adat dan budaya yang sangat mereka sanjungi. Keteguhan dan jati diri yang tinggi masyarakat Bugis dalam mentaati adat dan budaya adalah disebabkan wujudnya sistem hukum yang memainkan peranan penting dalam mengolah alur hidup sosial masyarakat Bugis itu sendiri. Mereka terikat pada sistem norma dan peraturan-peraturan adat yang dikenali sebagai sistem *Pangngadereng* yang keramat dari leluhur mereka (Suraya Sintang, 2013:206).

Pangngadereng dalam masyarakat Bugis adalah sebuah norma dan adat istiadat yang mengatur cara hidup seseorang dalam konteks bagaimana seseorang itu harus bertingkah laku dan beradab sopan dengan kelompok masyarakat dan juga alam sekeliling. Dalam hal ini, *Pangngadereng* disebut juga sebagai satu nilai yang mengandungi aturan yang saling berkait dan berteraskan lima unsur utama iaitu *ade'*, *bicara*, *rapang*, *wari'* dan *sara'* (Rajah 1). Secara umumnya, nilai *ade'* disebut sebagai satu elemen yang memelihara pengamalan adat dalam

konteks masyarakat Bugis yang dianggap sebagai *self-control*, iaitu sesuatu yang bersandarkan kepada individu. Nilai *bicara* dan *wari'* pula dikelompokkan sebagai satu mekanisme yang menjadi asas dalam kawalan organisasi, iaitu bersifat mengikat terhadap sosial masyarakat. Dalam pada itu, *rapang* mengatur masyarakat Bugis untuk sentiasa berhati-hati dalam pembuatan keputusan yang mana ianya perlu menimbang tara antara perkara yang boleh dilakukan serta perkara yang dilarang dan membawa kemudaratan. Akhir sekali, nilai *sara'* adalah punca dan pusat kepada kesemua nilai-nilai dalam sistem *Pangngadereng*. Hal ini dikatakan demikian kerana, nilai *sara'* merujuk kepada syarak Islam iaitu hukum berlandaskan ajaran agama Islam. Nilai ini merangkumi persoalan agama seperti ketauhidan, keikhlasan, integriti, kejujuran, keadilan dan sebagainya. Oleh itu, nilai *sara'* menjadi panduan utama masyarakat Bugis masa kini dalam mendepani kehidupan mereka seiring dengan pengamalan adat dan budaya.



Rajah 1: Sistem *Pangngadereng* Masyarakat Bugis

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Abdul Kahar, *et.al* (2013:22).

Berdasarkan penjelasan berkenaan sistem *Pangngadereng*, nilai *siri'* dan *pesse'*, *Pemmali* masyarakat Bugis terbentuk melalui respon masyarakat terdahulu yang berpegang teguh kepada konsep pangngadereng, *siri'* dan *pesse'*. Melihat kepada konteks pangngadereng, *Pemmali* adalah sesuatu yang dikaitkan dengan nilai rapang iaitu perlakuan berasaskan moral dan adab sopan yang harus diteladani (Zainal Abidin *et. al.*, 2019:91). Pantang larang atau *Pemmali* ini terbentuk hasil daripada cara fikir dan bersikap masyarakat terdahulu semasa berhadapan dengan masalah (Ajen Irma Macshury *et. al.*, 2020:316) Pemikiran dan sikap ini pula dilandaskan atas niat dan sebab yang jernih, budi yang baik dan hal-hal yang positif. Perkara ini dikenali juga sebagai sebuah kearifan tradisi yang perlu diketengahkan dalam proses pembangunan tamadun dan peradaban mereka. Dengan demikian, kearifan ini membentuk sebuah pantang larang berdasarkan kes-kes yang terjadi pada masyarakat dan seterusnya menjadi pola tingkah dalam kehidupan seharian masyarakat.

Oleh hal yang demikian, secara keseluruhannya, meskipun sudah lama beradaptasi dengan penduduk peribumi setempat, masyarakat Bugis di Sandakan masih tegar dan berpegang teguh dengan nilai-nilai yang ditetapkan dalam pangngadereng. Masyarakat Bugis di Sandakan masih teguh dalam mendasari Pangngadereng dalam adat istiadat mereka. Menurut mereka, sistem ini berfungsi untuk menjaga setiap perlakuan dan pertuturan agar tidak merosak nilai-nilai yang membangun sistem sosial. Nilai *ade'* iaitu nilai adat dalam pangngadereng misalnya dijadikan sebagai kerangka sosial utama pembentukan corak kehidupan masyarakat Bugis. Ketaatan terhadap nilai ini membolehkan mereka memelihara adat dan menjaga nilai-nilai budayanya. Dalam masa yang sama, masyarakat Bugis di Sandakan adalah masyarakat yang beragama Islam. Pangngadereng yang menjaga nilai agama disebut sebagai *sara'*. Melalui hal ini, masyarakat Bugis bebas dalam pengamalan adat dan budaya seperti yang terkandung dalam nilai *ade'* selagi mana ianya tidak melanggar syariat dan hukum Islam. Perkara ini rentetan daripada sistem kepercayaan leluhur Bugis yang berkisar kepada Animisme dan pengaruh agama Hindu-Buddha sebelum adanya Islam. Oleh hal yang demikian, pengamalan *Pemmali* seterusnya menyentuh berkaitan persoalan adat dan agama yang kemudiannya disesuaikan sejajar dengan perkembangan dan pemahaman terhadap hukum Islam.

Pantang Larang (*Pemmali*) masyarakat Bugis

Secara etimologinya, *Pemmali* adalah sebuah larangan dalam melakukan sesuatu yang bersifat sakral dan berfungsi untuk melindungi. *Pemmali* juga ditakrifkan sebagai sebuah kearifan lokal yang terbentuk melalui pengalaman masyarakat terdahulu. Melalui hal ini, dapat dilihat bahawa masyarakat Bugis mempunyai pelbagai kearifan lokal yang mengandungi unsur-unsur nasihat dan pendidikan untuk dijadikan landasan pembentukan perilaku. Kearifan lokal yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan petua, kepercayaan, pantangan dan sastera yang menjadi pandangan hidup dan berurat akar menjadi kepercayaan. *Pemmali* melibatkan proses menyampaikan ulang yang berkait rapat dengan kontekstualisasi dan entekstualisasi yang mana mereka percaya bahawa pelanggaran terhadap *Pemmali* akan mendatangkan keburukan atau kesialan kepada seseorang (Andi Fadlan et. al., 2022:6). Lantaran itu, *Pemmali* akan dianggap mitos oleh golongan yang tidak memahami konsep dan pemaknaan *Pemmali* yang sepatutnya.

Menurut Arun Sanjaya et. al., (2023), *Pemmali* merupakan sebuah peraturan tidak bertulis namun mempunyai sifat yang mengikat. Perkara ini dapat difahami berdasarkan tiada satu bentuk pendokumentasian yang wujud untuk peraturan dan larangan dalam *Pemmali* untuk dijadikan rujukan sebaliknya ianya diturunkan secara turun temurun melalui lisan. Menurut Andi Fadlan Sukmah (2022), *Pemmali* berasal daripada orang terdahulu dan diwariskan secara turun-temurun kepada anak cucu dikemudian hari. Masyarakat Bugis terdahulu mengamati *Pemmali* berdasarkan pengalaman terhadap kebiasaan pada zaman dahulu yang dikaitkan dengan kejadian yang melanda seseorang sebagai balasan melanggar larangan dalam *Pemmali*. Melihat kepada fungsi dan tujuan *Pemmali*, ianya adalah medium yang digunakan untuk menyampaikan makna tersirat yang mengandungi nilai budaya, nilai moral dan nilai sosial. *Pemmali* turut dikaitkan dengan teori etnopedagogi yang menggariskan lima unsur utama iaitu nilai membentuk budi pekerti, nilai tatatertib, nilai kesopanan, nilai memberi motivasi dan nilai budaya sebagai panduan masyarakat Bugis (Mansur Tanra et. al., 2019:30)

Oleh hal yang demikian, *Pemmali* dapat difahami sebagai sebuah pantang larang yang memainkan peranan signifikan untuk memandu masyarakat Bugis kearah yang lebih baik. Dalam konteks zaman moden, *Pemmali* berfungsi sebagai sebuah mekanisme pertahanan tradisional dalam menghadapi perilaku dan etika yang melanggar nilai-nilai

kesopanan (Arun Sanajaya *et. al.*, 2023:237). Melalui hal ini, dapat dilihat bahawa *Pemmali* mempunyai kepentingan dalam aspek penanaman akhlak *karimah* dalam perspektif pembentukan karakter seseorang agar menjadi manusia yang berbudi pekerti. Selaras dengan itu, *Pemmali* disifatkan juga sebagai sebuah bentuk kehati-hatian masyarakat dalam percakapan dan tingkah laku dengan mengambil iktibar dan pengajaran daripada masyarakat terdahulu agar tidak berulang di masa hadapan.

***Pemmali* yang Mempunyai Keterikatan Antara Sebab dan Akibat**

Pemmali yang mempunyai keterikatan antara sebab dan akibat yang jelas ini adalah sebuah larangan yang disampaikan terus dengan sebab dan akibat yang akan diperolehi jika melanggar ketentuan adat dalam *Pemmali*. *Pemmali* ini jelas menyatakan tentang akibat-akibat negatif yang akan menimpa seseorang atau masyarakat yang melanggar *Pemmali* sama ada dalam bentuk rezeki, jodoh, kesihatan dan musibah-musibah lain (Mutmainah, 2020:86). Walaubagaimanapun, *Pemmali* ini tetap memerlukan pemberian makna dan kontekstualisasi yang tepat untuk difahami secara tertib.

i. *Pemmali* duduk di atas bantal kerana dikhuatiri akan terkena bisul

Pemmali duduk di atas bantal kerana dikhuatiri akan terkena bisul adalah *Pemmali* yang paling popular diketahui dan diamalkan oleh masyarakat sehingga ke hari ini. *Pemmali* ini mempunyai larangan yang perlu diberikan konteks sewajarnya untuk difahami secara logik. Hal ini demikian kerana, duduk di atas bantal dengan terkena bisul tidak mempunyai hubungan dan keterikatan yang logik untuk difahami. Oleh itu, informen memberikan penjelasan bahawa larangan yang diajarkan ini bertujuan untuk mengelakkan sebarang kerosakan berlaku keatas bantal tersebut memandangkan masyarakat terdahulu membuat bantal hanya diisi dengan kapuk sahaja (Marlinah Muhidin, 42 Tahun). Larangan ini adalah sebagai simbolik untuk nilai beradab sopan dan malu dalam diri seseorang. *Pemmali* ini diajarkan khusus kepada kanak-kanak supaya mereka tidak menjadikan bantal sebagai alat permainan. Dalam masa yang sama, kepala adalah bahagian tubuh badan yang paling atas, iaitu tertinggi bagi manusia. Jika dilihat dari aspek agama,

bahagian muka adalah bahagian yang dikatakan anggota badan paling mulia dan ianya melibatkan bahagian kepala (Nur Diyana Zamani & Hasmidar Hassan, 2018:138). Oleh hal yang demikian, meletakkan bahagian punggung di atas bantal yang merupakan alas kepada kepala merupakan satu perlakuan yang dianggap tidak bermoral memandangkan punggung adalah bahagian badan yang dianggap kotor kerana disitulah berlakunya proses perkumuhan. Oleh itu, kontekstualisasi utama yang perlu diberikan kepada *Pemmali* ini adalah untuk mengelakkan kerosakan kepada bantal manakala isi tersirat daripada larangan tersebut adalah untuk anak-anak bersikap dan beradab sopan dalam berhadapan sengan sekecil-kecil perkara. Masyarakat Bugis percaya bahawa dengan mengatakan bahawa 'akan terkena bisul' adalah perkara yang lebih efektif untuk dimengerti berbanding menjelaskan tentang darjat kepala (Mutmainah, 2020:75). Perkara ini seterusnya membuktikan bahawa wujudnya kearifan lokal masyarakat terdahulu dalam membentuk budi pekerti anak-anak mereka supaya menjadi masyarakat yang beradab sopan terhadap masyarakat yang lain.

ii. *Pemmali* bertongkat dagu kerana dikhuatiri akan mendatangkan sial

Seperti yang dijelaskan dalam konsep dan tujuan *Pemmali*, ianya adalah sebuah kearifan lokal yang mengandungi pesanan dan nasihat yang membawa nilai-nilai moral termasuklah etika kerja (Novi Syahfitiri *et. al.*, 2019:228). Oleh hal yang demikian, penanda makna yang cuba disampaikan dalam larangan bertopang dagu kerana dikhuatiri akan mendatangkan sial dan menolak rezeki adalah supaya masyarakat tidak bersikap malas dalam pekerjaan. Situasi bertopang dagu ini seterusnya mendatangkan sentimen bahawa individu itu adalah seseorang yang pemalas untuk keluar mengerjakan tugas atau mencari kerja dan rezeki. Perkara ini amatlah bertentangan dengan nilai budaya Bugis yang sangat menggalakkan masyarakatnya untuk merantau demi mencari rezeki konsep *masappa' dalle'* sedangkan perbuatan bertopang dagu dianggap sebagai *mabela dalle'* dan *macilakai'* iaitu menjauhkan rezeki. Oleh hal yang demikian, *Pemmali* ini sebenarnya mengajarkan anak-anak untuk menjauhi sikap malas dan sentiasa berusaha mencari perkara berfaedah untuk dilakukan. Dalam masa yang sama, etika *Pemmali* ini turut bertujuan dalam pembentukan karakter masyarakat Bugis untuk memiliki harga diri yang tinggi.

iii. Pemmali duduk dihadapan pintu pada waktu senja kerana dikhuatiri akan dilanggar oleh makhluk halus

Salah satu daripada lima unsur yang membentuk kitaran dan sistem *Pangngadereng* adalah *ade'* iaitu adat dan *sara'* iaitu syariat Islam. Sistem *Pangngedereng* mengajarkan masyarakat Bugis untuk patuh kepada ajaran adat sekaligus taat kepada ajaran agama. Dalam hal ini, masyarakat Bugis majoritinya adalah beragama Islam dan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian mereka. Hubungan antara syariat Islam dan unsur mistik dalam adat telah digabungkan dalam *Pemmali* ini rentetan pengaruh dan kepercayaan yang berurat akar dari masyarakat terdahulu mempercayai hal-hal mistik. Oleh hal yang demikian, maksud tersirat yang cuba disampaikan dalam larangan ini dapat dihuraikan melalui dua penanda iaitu tanda yang pertama, 'larangan duduk dihadapan pintu'. Larangan ini dapat difahami secara logik kerana perbuatan duduk di hadapan pintu akan menghalangi pergerakan keluar masuk memandangkan pintu adalah laluan untuk orang lain keluar dan masuk ke dalam rumah. Selain itu, keadaan rumah masyarakat Bugis terdahulu dikatakan mempunyai tangga yang tinggi diluar pintu dan dikhuatiri seseorang akan terjatuh dan cedera jika duduk dihadapan pintu. Dalam masa yang sama, penanda kedua dalam larangan ini adalah 'waktu senja kerana dikhuatiri akan dilanggar oleh makhluk halus'. Maksud tersirat daripada pernyataan ini dapat difahami berdasarkan keadaan senja yang menjadi penanda kepada masuknya waktu untuk solat Maghrib bagi masyarakat Islam. Tambahan pula, masyarakat Bugis percaya bahawa Maghrib adalah petanda bahawa jin dan syaitan akan berkeliaran dan masuk ke dalam rumah. Oleh hal yang demikian, larangan duduk dihadapan pintu ketika senja kerana dikhuatiri akan dilanggar makhluk halus adalah supaya masyarakat Bugis segera menutup pintu dan bergegas untuk mempersiapkan diri menunaikan solat Maghrib. Namun, dalam konteks agama dan ilmiahnya, terdapat sebuah hadis yang mempunyai pemaknaan yang sama dengan larangan ini. Misalnya, hadis yang diriwayatkan oleh Sahih Bukhari dan Muslim, iaitu dari Jabir RA, Rasulullah SAW bersabda:

”إِذَا كَانَ جُنْحُ اللَّيْلِ، أَوْ أَمْسَيْتُمْ، فَكُفُّوا صِيَّانَكُمْ، فَإِنَّ الشَّيَاطِينَ تَنْتَشِرُ حِينَئِذٍ، فَإِذَا ذَهَبَتْ سَاعَةٌ مِنَ اللَّيْلِ فَخَلُّوهُمْ، وَأَغْلِقُوا الْأَبْوَابَ وَادْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لَا يَفْتَحُ بَابًا مُغْلَقًا”

Maksudnya: "Apabila kegelapan malam menjelma atau apabila sudah lewat petang, maka tahanlah anak-anak kamu. Ini kerana, pada waktu itu syaitan berkeliaran. Apabila telah berlalu beberapa ketika daripada malam, biarkanlah mereka dan tutuplah pintu-pintu serta sebutlah nama Allah kerana syaitan tidak akan membuka pintu yang tertutup. (Riwayat al-Bukhari (3304) dan Muslim (2012))

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa larangan ini mempunyai persamaan dengan *Pemmali* yang diajarkan dalam adat masyarakat Bugis. Oleh hal yang demikian, perkara ini membuktikan berkenaan fungsi *Pemmali* yang bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang beretika sekaligus melindungi masyarakat daripada perkara yang tidak diingini.

iv. *Pemmali* tidur ketika menjelang maghrib kerana dikhuatiri akan terkena penyakit

Terdapat kajian biologi dan saintifik berkenaan waktu tidur manusia yang ideal untuk mengelakkan serangan penyakit. Hal ini demikian kerana, manusia mempunyai kitaran harian yang disebut sebagai jam biologi manusia dalam mengatur beberapa fungsi organ yang berkerja secara automatik. Waktu Maghrib adalah waktu dimana organ-organ utama tubuh badan seperti paru-paru mencapai kesegaran pada tahap yang tinggi dan ianya bekerja lebih kuat berbanding pada kitaran jam yang lain (Novi Syahfitri *et. al.*, 2020:230). Jadi, jika seseorang memilih untuk tidur pada waktu Maghrib tubuh badan lebih terarah kepada pengambilan tenaga yang lebih untuk menyesuaikan diri pada perubahan yang tidak sepatutnya. Dalam masa yang sama, tidur pada waktu petang turut membahayakan kesihatan disebabkan ianya mengganggu proses detoksifikasi dalam tubuh badan (Rujina M *et. al.*, 2020:621). Dalam masa yang sama, baring meniarap juga akan mendatangkan masalah-masalah kesihatan seperti sakit perut dan sesak dada. Dalam pada itu, terdapat kajian yang dilaporkan dalam Berita Harian (2020) berkaitan dengan keburukan tidur dalam keadaan meniarap. Keadaan baring atau tidur secara meniarap adalah posisi tidur yang pasling tidak sihat dan boleh membawa kepada insiden seperti leher terseliuh. Selain itu, tidur secara meniarap juga memberi tekanan yang tidak sewajarnya kepada tulang belakang kerana tidak berada dalam kedudukan yang lurus. Tambahan lagi, Islam turut melarang seseorang untuk tidur dalam keadaan meniarap sehingga perbuatan ini

dikategorikan sebagai perbuatan yang makruh. Misalnya, berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Nawawi Rahimahullah dalam kitabnya, al-Majmu, "*dan dimakruhkan untuk tidur di atas perut (secara meniarap)*"(Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan). Secara kesimpulannya dapat dilihat bahawa kearifan masyarakat terdahulu tentang perkara ini menyebabkan terbentuknya *Pemmali* baring meniarap dalam kalangan masyarakat Bugis dan masih diamalkan sehingga ke hari ini.

***Pemmali* yang Tidak Mempunyai Keterikatan Antara Sebab dan Akibat**

Pemmali berkonsepkan tidak mempunyai keterikatan antara sebab dan akibat yang jelas adalah sebuah larangan yang tidak dijelaskan secara menyeluruh tentang sebab dan akibat daripada pantangan dan larangan tersebut. Orang Bugis terdahulu bertindak hanya menyampaikan sahaja larangan tersebut dan menjelaskan bahawa ianya ialah sebuah aturan budaya yang perlu dipatuhi sejak turun-temurun lagi. Menurut mereka, pantangan dan larangan dalam *Pemmali* itu diserahkan sepenuhnya pemaknaan dan kontekstualisasinya kepada anak-anak untuk difahamkan maksud tersiratnya. Oleh hal yang demikian, *Pemmali* jenis tidak mempunyai sebab dan akibat yang jelas dibahagikan mengikut aspek-aspek seperti *Pemmali* dalam aspek kelahiran, kematian dan kehidupan seharian.

i. *Pemmali* Kelahiran

Pemmali pertama yang berkaitan dengan aspek kelahiran boleh dilihat pada *Pemmali* terhadap ibu mengandung untuk duduk dihadapan pintu. *Pemmali* ini merupakan satu larangan kepada ibu mengandung untuk duduk di hadapan pintu yang menjadi laluan keluar dan masuk daripada rumah. Andaian yang dibuat daripada larangan ini ialah pintu menjadi simbolik kepada pintu rahim yang akan menjadi laluan keluar kepada bakal anak yang dilahirkan. Oleh hal yang demikian, orang-orang dahulu beranggapan bahawa duduk dihadapan pintu akan menyukarkan proses kelahiran kepada ibu mengandung tersebut. Andaian bahawa duduk dihadapan pintu akan membawa malang kerana pintu kelahiran iaitu pembukaan dinding rahim dan serviks akan mengalami masalah. Wanita hamil dikuatiri akan menanggung rasa sakit yang terlalu lama jika melanggar *Pemmali* ini. Perkara yang sama juga turut dijelaskan dalam

Raihan Mohd Isa *et. al.*, (2019), 'jika hendak masuk, masuk terus. Jika hendak keluar, keluar terus'. Konteks yang diberikan dalam falsafah ini turut menjelaskan bahawa wanita hamil dilarang untuk duduk dihadapan pintu, makan di hadapan pintu dan menjuntaikan kaki di anak tangga rumah. Rentetan daripada itu, wujud petua atau nasihat daripada *Pemmali* ini iaitu ibu-ibu yang mengandung disarankan untuk membuka pintu-pintu tingkap sejurus bangun daripada tidur pada waktu pagi dengan harapan supaya proses kelahiran nanti adalah mudah seperti membuka pintu-pintu tingkap tersebut.

Kedua, *Pemmali* ibu mengandung untuk menggunting dan mengoyakkan sesuatu yang diikat. *Pemmali* ibu mengandung tidak dibenarkan untuk menggunting dan mengoyakkan sesuatu yang terikat adalah mempunyai perkaitan dengan proses kelahiran yang bakal ditempuh dikemudian hari. Hal ini demikian kerana, menurut informen, ibu mengandung tidak dibenarkan melakukan hal demikian adalah disebabkan sesuatu yang terikat perlulah dibuka ikatannya dengan tertib dengan tidak mengoyakkan atau menggunting ikatan tersebut semasa hendak membukanya. Sebagai contoh, ikatan pada bungkusan makan. Andaian daripada larangan ini adalah untuk mengelakkan tali pusat anak yang bakal dilahirkan berbelit sehingga menyukarkan proses kelahiran nanti. Informan turut memberikan contoh berkenaan *Pemmali* yang hampir sama iaitu larangan kepada ibu mengandung untuk memakan ketam sepanjang tempoh kehamilan kerana ditakuti anak yang akan dilahirkan mempunyai kecacatan pada anggota tangan atau kaki yang mirip dengan ketam yang dimakan. Kepercayaan dalam *Pemmali* ini masih utuh diamalkan sehingga ke hari ini dalam kalangan masyarakat Bugis di Sandakan.

Seterusnya, yang ketiga adalah *Pemmali* menyikat rambut bayi yang baru dilahirkan. *Pemmali* ini adalah larangan yang perlu dipatuhi selepas proses kelahiran. Menurut orang-orang dahulu, ibu yang baru melahirkan anak hendaklah tidak menyikat rambut bayi tersebut. Perkara ini adalah disebabkan kepercayaan masyarakat Bugis berkaitan keadaan bayi tersebut yang akan mengalami kelainan. Misalnya, masyarakat Bugis percaya bahawa menyikat rambut bayi yang baru dilahirkan akan menyebabkan anak tersebut membesar dengan keadaan gigi yang tidak sempurna iaitu keadaan gigi yang berjarang dan ianya akan mendatangkan malu kepada si anak.

ii. *Pemmali* Kematian

Melihat kepada *Pemmali* yang terdapat dalam aspek kematian, *Pemmali* pertama yang masih diamalkan oleh masyarakat Bugis di Sandakan adalah larangan mencium jenazah suami/isteri sebelum dikafankan. Perkara ini adalah disebabkan oleh pandangan dan andaian masyarakat Bugis terdahulu yang menganggap jenazah yang sudah dimandikan dan dibersihkan serta diwudhu'kan seharusnya tidak disentuh oleh yang bukan mahramnya termasuklah isteri/suami jenazah tersebut. Jika dilanggar, wudhu yang ada pada jenazah tersebut dianggap terbatal (Marlinah Muhidin, 42 Tahun). Perkara yang sama turut dibahaskan dalam Harakah Daily (2021) yang menyatakan bahwa hukum mencium jenazah hanya dibolehkan bagi mereka yang sama jantina atau mahram kepada si mati sahaja manakala ajnabi atau bukan mahramnya tidak dibolehkan mencium atau menyentuh jenazah tersebut. Dalam pada itu, perkara ini adalah bagi mengelakkan air mata si suami/isteri mengenai jenazah tersebut yang dikatakan akan mengakibatkan jenazah tersebut berat untuk diangkat dan diuruskan ke tanah perkuburan.

iii. *Pemmali* Kehidupan Sehari-hari

Terdapat juga *Pemmali* yang diamalkan dalam kehidupan sehari-hari misalnya, *Pemmali* menyanyi ketika berada di dapur. Jika dilihat secara logik, larangan menyanyi kepada anak perempuan semasa melakukan tugas-tugas di dapur boleh difahami sebagai larangan untuk mereka melakukan perkara lain selain memasak dan menyediakan makanan ketika berada di dapur. Hal ini demikian kerana, perlakuan ini dikhuatiri akan menjejaskan kualiti makanan yang dimasak dan disediakan. Sebagai contoh, perkara ini adalah bertujuan untuk menjaga kebersihan pada makanan tersebut kerana dikatakan menyanyi ketika memasak akan membuatkan air liur termasuk dalam masakan tersebut. Terdapat juga segelintir masyarakat Bugis yang menakut-nakutkan anak perempuan mereka dengan mengatakan bahawa menyanyi ketika berada di dapur akan membuatkan jodohnya akan datang lambat ataupun akan berjodoh dengan lelaki yang jauh lebih tua (Nurhidayah BM, 2015:26). Oleh hal yang demikian, larangan menyanyi ketika berada di dapur memberikan pemahaman moral untuk seseorang itu fokus hanya kepada kerja yang dilakukan dan dalam masa yang sama sentiasa menitik-beratkan perihal kebersihan.

Selain itu, ada juga *Pemmali* memotong kuku pada waktu malam juga adalah salah satu daripada *Pemmali* yang diamalkan dalam kebiasaan sehari-hari. Hal ini demikian kerana, masyarakat Bugis percaya bahawa perbuatan ini akan mendatangkan musibah dan membawa sial kepada seseorang. Walaupun dilihat sebagai satu pantang larang yang tidak memberi impak yang mendalam namun pantangan ini mempunyai makna disebalik larangannya. Menurut informan, sebenarnya *Pemmali* ini terwujud atas dasar keadaan dan persekitaran masyarakat Bugis terdahulu yang tidak mempunyai bekalan elektrik sebagai punca kepada pencahayaan pada waktu malam. Mereka bergantung sepenuhnya kepada lilin dan pelita untuk pencahayaan sepanjang waktu malam. Oleh hal yang demikian, keadaan ini membuatkan masyarakat Bugis terdahulu mempunyai keterbatasan dalam penglihatan sehingga melarang anak-anak mereka untuk memotong kuku pada waktu malam dengan mengatakan bahawa ianya *Pemmali* jika seseorang memotong kuku pada waktu malam sehingga menyebabkannya terluka. Simbolik mendatangkan sial atau musibah dijadikan sebagai penanda untuk menakut-nakutkan anak mereka supaya tidak memotong kuku pada waktu malam. Ada juga yang menyatakan bahawa *Pemmali* ini jika dilanggar akan membuatkan seseorang itu pendek umur dan akan mengalami hubungan yang sukar dengan ahli keluarga. *Pemmali* ini tidak mempunyai perkaitan dengan hal-hal mistik mahupun syariat Islam, ianya adalah sekadar larangan berunsur nasihat untuk mengelakkan sebarang kecereaan daripada berlaku.

Penerimaan dan Justifikasi Amalan *Pemmali* dalam Kalangan Masyarakat Bugis di Sandakan

Berdasarkan senarai *Pemmali* di atas, wujud pertikaian berkaitan dengan penerimaan dan justifikasi masyarakat berkenaan amalan dalam *Pemmali* ini. Oleh hal yang demikian, terdapat beberapa peran penting yang dapat dikenalpasti dalam amalan *Pemmali* terutamanya dalam pembentukan karakter. Menurut informan, salah satu sebab *Pemmali* masih relevan diamalkan pada masa sekarang adalah disebabkan fungsinya dalam membentuk karakter dan tingkah laku seseorang. Tambahan lagi, *Pemmali* yang diajarkan daripada rumah berjaya menjadikan anak-anak sebagai seorang yang penurut terhadap kata-kata orang tua berbanding mereka yang tidak ditanamkan dengan ajaran *Pemmali*.

Ibu bapa bertanggungjawab untuk mengajar dan mendedahkan kepada anak-anak mereka tentang *Pemmali* sebelum mereka melangkah ke alam pendidikan formal. Sebagai contoh, kebanyakan *Pemmali* ini disandarkan dengan nilai moral dan bersopan santun. Nilai-nilai seperti larangan menyanyi di dapur kepada anak dara mengajarkan mereka untuk sentiasa menjaga kebersihan. Larangan duduk di atas bantal berjaya menanamkan nilai bersopan-santun dan mempunyai perasaan malu dalam diri mereka.

Walaupun dilihat ianya mempunyai pertikaian dan perdebatan dalam aspek agama tetapi *Pemmali* jika dimaknai dengan sewajarnya tidak memberi sebarang ancaman terhadap persoalan agama. Selaras dengan nilai sara' yang membentuk adat istiadat masyarakat Bugis, *Pemmali* turut berfungsi sebagai satu medium menyampaikan dakwah dalam bentuk nasihat dan tanzir iaitu ancaman bagi orang-orang yang melanggar perintah dan syariat Islam. Misalnya dapat dilihat pada *Pemmali* tidur menjelang Maghrib yang diandaikan jika dilanggar akan mendatangkan pelbagai penyakit. Pemaknaan lain dalam larangan ini menyeru seseorang itu untuk mempersiapkan diri mengerjakan perintah Allah SWT dengan melakukan solat Maghrib dengan segera. Oleh hal yang demikian, kerelevanan untuk *Pemmali* masih diamalkan oleh masyarakat Bugis di Sandakan dilihat sangat tinggi dan masih wajar untuk dipertahankan.

Oleh hal yang demikian, persoalan *Pemmali* sebagai mitos atau pertikaian tentang relevan atau tidak *Pemmali* diteruskan menemui justifikasi bahawa *Pemmali* adalah masih relevan diamalkan dalam konteks masa sekarang. Berdepan dengan kemajuan teknologi dan pemodenan dunia kini menjadikan masyarakat Bugis percaya bahawa *Pemmali* dapat berfungsi sebagai mekanisme pertahanan walaupun dianggap kuno dan tradisional. Dalam masa yang sama, informen menambah bahawasannya *Pemmali* hanya akan dianggap mitos dan mengarut sekiranya difahami tanpa diberikan kontekstualisasi yang mana *Pemmali* ini perlu dimaknai sebagai sebuah adat yang mengandungi nilai yang mampu mendidik, meningkatkan sivik dan membina jati diri masyarakat Bugis. Tuntasnya, *Pemmali* adalah adat masyarakat Bugis yang mampu membentuk peribadi baik seseorang dan mengelak daripada persekitaran hidup yang negatif.

Isu dan Cabaran Budaya *Pemmali*

Terdapat beberapa isu dan cabaran telah dikenalpasti dalam usaha mengekalkan warisan adat dan budaya *Pemmali*. Cabaran menurut Dewan Bahasa dan Pustaka membawa erti sebagai satu hasil yang mencabar dan sesuatu yang menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau sesuatu organisasi. Fairuzah Basri *et. al.*, (2019) pula menjelaskan bahawa cabaran jika dilihat daripada perspektif negatif, ianya merupakan satu usaha memusnahkan sesuatu yang sedia ada dan menggantikannya dengan sesuatu yang bersifat baru berdasarkan acuan baru. Secara umumnya, isu dan cabaran ini timbul rentetan perubahan dan peredaran zaman kini yang membawa dunia kearah pembangunan, pemodenan dan globalisasi yang berpusat di Barat. Rentetan itu, amalan adat dan budaya yang wujud sejak bertahun lamanya menghadapi ancaman untuk terus dilestarikan berikutan rangkaian isu dan cabaran daripada perubahan gaya hidup. Antara isu dan cabaran tersebut ialah isu globalisasi yang seterusnya turut menimbulkan isu pertentangan antara budaya dengan agama, proses migrasi dan asimilasi, kurangnya penyelidikan dan pendokumentasian serta isu berkaitan pihak berkepentingan.

Isu Globalisasi

Peredaran dunia membawa kepada globalisasi yang memberi kesan kepada segenap aspek kehidupan masyarakat. Menurut Suhaimi Abdullah *et. al.*, (2019), globalisasi disifatkan sebagai satu proses yang meletakkan dunia dibawah satu unit tanpa dipisahkan oleh sempadan dan kedudukan geografi sesebuah negara. Jika dilihat melalui konteks amalan adat dan budaya, ianya menimbulkan isu dan cabaran terutamanya dalam memastikan kelangsungan pengamalan adat dan budaya. Sebagai contoh, globalisasi menyebabkan berlakunya penghakisan terhadap nilai-nilai budaya, hilangnya budaya asli sesebuah negara dan peradaban serta menenggelamkan gaya hidup berdasarkan adat dan budaya yang dibangunkan oleh generasi terdahulu (Andika, 2021:4). Dalam konteks masyarakat Bugis, pengamalan adat dan budaya *Pemmali* menghadapi cabaran disebabkan oleh masyarakatnya yang terdedah dengan budaya luar yang pelbagai. Globalisasi memberi ancaman kepada keaslian dan pemeliharaan adat *Pemmali* rentetan budaya dan pengaruh luar yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan. Kewujudan budaya dan pengaruh luar yang dilihat lebih menarik dan selari dengan perkembangan zaman

menenggelamkan amalan adat dan budaya *Pemmali* yang dianggap kuno dan tradisional. Dalam masa yang sama, globalisasi turut memaksa setiap bangsa untuk berusaha dalam proses penyesuaian budaya selari dengan perkembangan zaman sehingga membuatkan struktur nilai budaya tereliminasi oleh budaya asing. Lebih-lebih lagi, adat dan budaya yang bersifat ritual perlahan-lahan mula tersisihkan dan kehilangan fungsi aslinya.

Isu Pertentangan Budaya dengan Nilai Agama

Sama seperti adat dan kebudayaan lain, *Pemmali* turut mengalami isu dan cabaran dari aspek pertentangan dengan nilai moden. Perwarisan budaya mengalami perubahan dan perkembangan disebabkan oleh bukan sahaja faktor luaran tetapi juga faktor dalaman seperti keperluan untuk manusia sentiasa bergerak mengikuti perkembangan ilmu dan teknologi (Yus Darusman *et. al.*, 2019:96). Peredaran zaman kearah pemodenan membuatkan sesetengah *Pemmali* mengalami halangan dalam pelaksanaannya. Larangan-larangan berkaitan pekerjaan, pendidikan dan beberapa gaya hidup lain yang dilihat tidak relevan untuk diamalkan sehingga ke hari ini. Misalnya, larangan memotong kuku pada waktu malam dilihat sebagai tidak relevan lagi memandangkan gaya hidup masyarakat moden kini mementingkan tekanan ekonomi berbanding adat dan budaya. Melihat kepada corak kehidupan moden, masyarakat bekerja dari matahari terbit sehingga matahari tenggelam demi mencapai nilai gaji yang lebih tinggi. Masyarakat cenderung untuk bekerja lebih dari masa yang sepatutnya disebabkan gaji yang diterima adalah lebih banyak dari hanya bekerja dalam tempoh yang ditetapkan (Norhidayah Hasbullah & Dzurizah Ibrahim, 2020:245). Jadi, sesetengah masyarakat hanya mempunyai masa terluang pada waktu malam untuk hal-hal sedemikian. Oleh itu, perkara ini mendesak masyarakat Bugis untuk menolak kebelakang arahan dan larangan dalam sesetengah *Pemmali*. Dalam masa yang sama, perbincangan berkenaan nilai moden tidak akan lari dengan konteks rasional dan saintifik. Larangan seperti ibu mengandung dilarang menggunting sesuatu yang terikat kerana akan mengakibatkan kesukaran dalam proses kelahiran kelak adalah sesuatu yang tidak mempunyai pembuktian yang saintifik dan alasan yang rasional. Pengajaran berkisar kepercayaan tradisional dengan kemasukan unsur tahyul dan dongeng juga semakin lama semakin ditolak dalam era pemodenan kini. Fahaman tradisional biasanya bertentangan dengan

nilai logik manakala pemikiran era kini bersifat saintifik yang mana ia didasari oleh perkembangan berdasarkan kajian yang berterusan.

Isu Pengaruh dan Pertentangan Agama

Melihat kepada susur galur sistem kepercayaan masyarakat Bugis, mereka berpegang kepada animisme dan menerima pengaruh Hinduisme sebelum berlakunya penyebaran Islam secara meluas di Nusantara. Animisme disebut sebagai sebuah kepercayaan bersangkut-paut dengan realiti jiwa. Masyarakat Bugis terdahulu berpegang kepada kepercayaan bahawa setiap sesuatu di atas muka bumi ini mempunyai roh dan jiwa (Mustaqim Pabbajah, 2012:401). Disebabkan hal ini, beberapa *Pemmali* yang wujud menghadapi pertentangan dengan agama yang dianuti disebabkan kepercayaan lama orang Bugis sehingga membawa kepada konflik dalam mengamalkan budaya atau mentaati agama. Hal ini demikian kerana, pertemuan antara agama dan budaya membawa kepada proses saling mempengaruhi antara satu sama lain dan membuatkan terjadinya pertambahan atau pengurangan nilai antara budaya dan agama (Puji Kurniawan, 2014:51). Kata 'sinkretisme' adalah perkataan tepat untuk menggambarkan situasi ini. Sinkretisme ditakrifkan sebagai percampuran pelbagai identiti yang tidak sepadan dalam agama. Isu ini menjelaskan berkenaan percampuran adat dan budaya kedalam agama dan ianya bercanggah dengan prinsip agama. Sebagai contoh, *Pemmali* bertopang dagu dikatakan membawa sial dan menjauhkan rezeki kepada seseorang. Dalam ajaran Islam, penganut agama Islam hendaklah percaya soal rezeki, ajal, jodoh dan sebagainya adalah aturan dan kekuasaan Allah SWT.

Isu Migrasi dan Asimilasi

Proses penghijrahan dan migrasi memerlukan masyarakat Bugis untuk berasimilasi dengan budaya tempatan daripada masyarakat peribumi yang lain. Proses adaptasi ini memerlukan masyarakat Bugis untuk menyesuaikan beberapa aspek dalam *Pemmali* kepada budaya tempatan agar dapat diterima dengan mudah oleh masyarakat baru. Melalui hal ini, berlaku unsur pengurangan nilai *Pemmali* sepanjang berlakunya proses pengadaptasian masyarakat terhadap persekitaran baharu. Dalam masa yang sama, berlaku akulturasi iaitu pengambilan atau penerimaan sesuatu unsur kebudayaan yang berasal dari pertemuan dua atau lebih budaya lain yang saling berhubungan (Puji

Kurniawan, 2014:49). Kebiasaan akulturasi berlaku dengan golongan budaya minoriti akan mengikuti budaya golongan majoriti yang seterusnya akan membawa kepada proses adaptasi terhadap kebudayaan tempatan. Migrasi ini juga memberi impak kepada pengamalan adat dan budaya apabila faktor jarak dari tanah leluhur membuatkan kelompok yang berhijrah menjadi jauh dari amalan adat dan budaya yang sebenar. Ketiadaan orang yang mahir adat dalam proses penghijrahan ke wilayah baharu membuatkan amalan adat dan budaya tidak dititik-beratkan lebih-lebih lagi budaya *Pemmali* yang cuma dilestarikan melalui penyampaian secara lisan. Dalam masa yang sama, penghijrahan ini turut menitikberatkan hubungan antara komuniti migran dengan komuniti peribumi.

Isu Penyelidikan dan Pendokumentasian

Pemmali sebagai adat dan budaya masyarakat Bugis dilihat seringkali tidak mendapat pendokumentasian yang formal. Hal ini demikian kerana, kebiasaan *Pemmali* hanya disampaikan secara lisan. Masyarakat Bugis menghadapi cabaran untuk memastikan kelangsungan adat dan budaya *Pemmali* dengan tiadanya pendokumentasian dan penyelidikan oleh pihak-pihak berkepentingan. Keadaan ini membuatkan pemahaman dan penerimaan generasi masa kini berkenaan *Pemmali* menjadi semakin lama semakin berkurang. Misalnya, masyarakat Bugis dilihat sebagai pengamal adat dan budaya yang tegar dengan memiliki kepelbagaian adat dan budaya namun masyarakatnya sendiri tidak mengenali adat dan budaya tersebut secara mendalam. Perkara ini juga disebabkan oleh proses pemodenan dan globalisasi dunia yang memperkenalkan pelbagai pendekatan lain dalam menajalani kehidupan seharian sehingga masyarakat mengabaikan tuntutan dalam *Pemmali*. Ketiadaan pendokumentasian sejarah dan warisan lisan ini akan menyebabkan hilangnya warisan adat dan budaya yang berharga. Kurangnya penyelidikan dan pendokumentasian adat dan warisan lisan ini akan membuatkan generasi muda memikirkan bahawa sistem kehidupan nenek moyang terdahulu adalah tidak relevan untuk diamalkan sehingga ke hari ini. Jika diteliti dengan lebih mendalam, berlaku juga cabaran dalam memperolehi data bagi tujuan pendokumentasian adat dan budaya *Pemmali*. Para penyelidik menghadapi kesukaran untuk memperoleh dan mendokumentasikan adat dan budaya secara tepat dan terperinci. Hal ini kerana, adat dan budaya *Pemmali* hanya diturunkan melalui lisan daripada satu generasi

ke generasi yang lain. Ini bermakna pemerolehan sumber dan maklumat utama adalah daripada golongan tua dan berusia lanjut. Melihat kepada metodologi penyelidikan, perkara ini menjadi isu apabila kelaziman adat dan budaya *Pemmali* adalah bersifat subjektif dan berbeza mengikut individu dan kampung. Para penyelidik menghadapi kesukaran untuk menafsirkan dan mengelaskan maklumat yang diperolehi.

Isu Peranan Pihak Berkepentingan

Isu dan cabaran ini boleh dilihat dari aspek pihak kerajaan dan pemerintah. Hal ini demikian kerana, penggubalan undang-undang dan dasar oleh kerajaan perlulah mengambil kira kepentingan adat dan budaya. Ketiadaan lantikan ketua-ketua adat bagi masyarakat Bugis turut menyukarkan kelangsungan adat dan budaya untuk terus diamalkan. Sebagai contoh, kawasan-kawasan majoriti didiami oleh masyarakat Bugis seperti Sandakan, Kunak dan Tawau menghadapi masalah lantikan ketua adat dalam kalangan masyarakat Bugis. Isu yang timbul berkenaan ketiadaan ketua adat daripada masyarakat majoriti adalah kesukaran untuk memelihara peri pentingnya pegangan adat dan budaya. Laporan daripada Bernama (2019), menyatakan berkenaan penangguhan pelantikan ketua kampung dalam kalangan masyarakat Bugis dan Jawa berlaku disebabkan kedua etnik ini tidak berada dalam senarai Anak Negeri. Dalam masa yang sama, isu ini telah mendapat perhatian Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri apabila beliau menyatakan mahu membawa isu ini kepada kerajaan Negeri agar pelantikan ketua-ketua adat mengambil kira keutamaan kepada Anak Negeri Sabah dan juga Bumiputera. Maka, isu dan cabaran berkaitan pemeliharaan adat dan budaya adalah sukar untuk dilaksanakan secara meluas sekiranya tiada wakil yang mempunyai kuasa dan autoriti utama dalam masyarakat.

Beralih kepada gerakan dan persatuan masyarakat Bugis, terdapat beberapa entiti persatuan yang sering dikaitkan dengan gerakan berpersatuan masyarakat Bugis. Sebagai contoh, Persatuan Komuniti Bugis Sabah (PKBS), Persatuan Perpaduan Rumpun Bugis Melayu (PPRBM), Persatuan Melayu Bugis Kota Kinabalu (KECAPI), Pertubuhan Gabungan Anak Bugis Sabah (LONTARA) dan sebagainya. Namun, dari banyaknya gerakan berpersatuan ini, hanya dua gerakan berpersatuan yang dikatakan aktif dalam bergiat untuk masyarakat Bugis terutamanya di Sabah, iaitu PKBS dan PRBM (Rajah 2). Jika dilihat pada susur galur pengisian persatuan ini, gerakan berpersatuan

tertumpu hanya kepada kebajikan masyarakat Bugis berbanding dengan penumpuan kepada kelangsungan adat dan budaya masyarakat Bugis. Kalaupun ada pengisian berbaur adat dan kebudayaan, namun ianya tertumpu hanya pada warisan budaya ketara seperti pakaian tradisional dan makanan. Tumpuan kepada adat dan budaya tidak ketara seperti budaya *Pemmali* iaitu pantang larang tidak pernah diketengahkan dalam persatuan ini. Buktinya, dalam kajian Asmiaty Amat *et. al.*, (2020), PKBS dilihat cenderung kepada gerakan yang mengutamakan kebajikan dan misi kemanusiaan masyarakat Bugis dan dalam masa yang sama berusaha untuk diiktiraf dalam arena politik. Hala tuju berkaitan adat dan budaya masyarakat Bugis kurang mendapat perhatian oleh persatuan ini.



**Rajah 2: Logo Persatuan Komuniti Bugis Sabah (PKBS),
Persatuan Perpaduan Rumpun Bugis Melayu (PPRBM)**

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Amrullah Maraining, *et. al.*, (2018:37).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, amalan *Pemmali* adalah sebuah sistem pantang larang yang dibangunkan oleh masyarakat Bugis. *Pemmali* dibentuk oleh masyarakat Bugis terdahulu sebagai sebuah larangan kepada anak-anak mereka daripada bersikap buruk atau kurang beradab dengan masyarakat. Umumnya, larangan dalam *Pemmali* diungkapkan bersama-sama sebab dan akibat yang akan melanda seseorang jika melanggar aturan yang ditetapkan. Dalam pada itu, sebab dan akibat

dalam *Pemmali* sering dikaitkan dengan hal-hal berkait jodoh, ajal, kesihatan, maut dan beberapa perkara negatif lain. Masyarakat Bugis terdahulu meletakkan tanda-tanda seperti ini dengan andaian bahawa anak-anak akan lebih mudah untuk mendengar kata berbanding dengan menjelaskan terus makna tersirat disebalik larangan *Pemmali*. Namun, dalam konteks masa kini, pengamalan *Pemmali* dalam masyarakat Bugis perlu diberikan kontekstualisasi dan pemaknaan yang sepatutnya agar larangan tersebut dapat difahami secara holistik berkenaan makna tersirat daripada *Pemmali* tersebut.

Isu dan pertentangan terhadap amalan *Pemmali* akan timbul jika tidak diketengahkan dan difahami dalam konteks adat dan budaya. Hal ini demikian kerana, *Pemmali* dilihat mempunyai pengaruh daripada sistem kepercayaan tradisi masyarakat Bugis terdahulu seperti animisme dan pengaruh Hindu-Buddha. Oleh hal yang demikian, *Pemmali* hendaklah sentiasa diketengahkan dan difahami melalui lensa adat dan budaya masyarakat. Dengan demikian, kelangsungan adat dan budaya *Pemmali* akan terus terpelihara sebagai sebuah khazanah adat dan budaya yang berharga.

Senarai Rujukan

Jurnal dan Buku

- Abdul Kahar, Iwan Triyuwono, Gugus Irianto & Unti Ludigdo. (2013). Management Control Systems Concept Construction Of 'Panngadereng' Based On Local Wisdom Values. *Journal of Bussiness and Management*. Vol. 8 (2): 21-30.
- Ajen Irma Macshury, M. Bahri Arifin & Syamsul Rijal. (2020). Pemali dalam Budaya Etnik Paser di Kabupaten Paser: Satu Tinjauan Semiotika. *Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*. Vol. 4(2): 315-329.
- Andi Fadlan Sukmah, Lukman, Ery Iswary & Firmah Salleh. (2022). Representasi Tanda Dalam Ungkapan *Pemmali* Pada Masyarakat Bugis di Kabupaten Barru. *Jurnal Noken: Ilmu-Ilmu Sosial*. Vol. 8 (1):65-77.
- Andika. (2021). Dampak Globalisasi Terhadap Eksistensi Budaya. *Jurnal Dialektika, Sosial dan Budaya*. Vol.2 (1): 1-14.
- Arun Sanjaya, Andi Agussalim & Andi Fatimah Junus. (2023). *Pemmali* Dalam Mitos Kepercayaan Masyarakat Bugis Sindreng Rappang. *South Asean Journal of Social Studies*. Vol. 3(2): 236-241.

- Gene Ammarell. (2002). Bugis Migration and Modes of Adaptation to Local Situation. *Ethnology*. Vol.41(1): 51-67.
- Ivie Carbon Esteban. (2010). The Narrative of War in Makassar: Its Ambiguities and Contradictions. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. Vol. 28(1): 129-149.
- Khairiyah Mohd. Yasin. (2004). Hubungan Budaya dan Ilmu dari Perspektif Barat dan Islam. *Jurnal MANU*. Vol. 20: 25-51.
- Mansur Tanra, Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad. (2019). Pemmali Dalam Masyarakat Bugis Di Pantai Timur Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo*. Vol. 7: 29-38.
- Mohd Taib Osman. (1988). *Kebudayaan Dalam Beberapa Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustaqim Pabbajah. (2012). Religiutus Dan Kepercayaan Masyarakat Bugis-Makassar. *Jurnal Al-Ulum*. Vol. 12 (2): 397-418.
- Norhidayah Hasbullah & Dzurizah Ibrahim. (2020). Hubungan Pekerjaan Di Sektor Informal: Kajian Kes Di Lawas, Sarawak, Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 17 (6): 236-251.
- Novi Syahfitri, M. Bahri Arifin & Syamsul Rijal. (2019). Pemali Dalam Masyarakat Etnik Bugis Di Kota Samarinda: Suatu Tinjauan Semiotika. *Jurnal Ilmu Budaya*. Vol. 3(2): 221-232.
- Nur Diyana Zamani & Hasmidar Hassan. (2018). Bahasa Pantang Larang Masyarakat Melayu dan Hubungannya Dengan Prinsip Relevans Kognitif dan Prinsip Relevans Komunikatif. *Jurnal Pengajian Melayu*. Vol. 29: 119-155.
- Puji Kurniawan. (2014). *Mengakhiri Pertentangan Antara Agama & Budaya*. Kota Bandung: Pustaka Aura Semesta.
- Rahilah Omar, Khazin Mohd. Tamrin, Nordin Hussin & Nelmawarni. (2009). Sejarah Kedatangan Masyarakat Bugis Ke Tanah Melayu: Kajian Kes Di Johor. *JEBAT*. Vol. 36: 41-61.
- Rujina M, Bahri Arifin & Syamsul Rijal. 2020. Pemali Dalam Budaya Etnik Dayak Lundayeh Di Kota Samarinda: Satu Tinjauan Semiotika. *Jurnal Bahasa, Sastra, Seni dn Budaya*. Vol. 4 (4): 614-626.
- Suraya Sintang. (2005). Punca Penghijrahan Orang Bugis ke Tawau, Sabah. *Jurnal Peradaban Melayu*. Vol. 3: 83-100.
- Suraya Sintang. (2013). *Sejarah dan Budaya Bugis di Tawau, Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Yuniar Rahmatiar, Suyono Sanjaya, Deny Guntara & Suhaeri. (2021). Hukum Adat Suku Bugis. *Jurnal Dialektika Hukum*. Vol. 3 (1): 89-112.

- Yus Darusman, Mumu, Mustakim & Wiwin Herwina. (2019). Model Pewarisan Budaya Melalui Pendidikan Informal (Pendidikan Tradisional) Pada Masyarakat Pengrajin Kayu. *Wacana Akademika: Majalah Ilmiah Kependidikan*. Vol. 3 (1): 95-108.
- Zaenal Abidin, Sabri Samin & Moh. Sabri Ar. (2019). *Pemmali*: Metode Dakwah Leluhur Bugis Makassar. *Jurnal Tabligh*. Vol. 20 (1): 88-105.

Latihan Ilmiah/Tesis

- Mutmainah. (2020). *Pemmali* Pada Budaya Bugis Baring Dalam Perspektif Pendidikan Islam, *Tesis Sarjana*. Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang: Malang, Indonesia.
- Nurhidayah BM. (2015). Taboos in Soppeng Culture (Ethnography Study), *Tesis Sarjana*. University Islam Negeri Makassar: Makassar, Indonesia.

Laman Sesawang

- Bernama. (2019). Tangguh Lantikan Ketua Kampung Dari Suku Bugis, Jawa, Dapat Perhatian. Bernama. diakses melalui <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1691578>.
- Harakah Daily. (2021). Hukum Bukan Mahram Mencium Jenazah. diakses melalui <https://harakahdaily.net/index.php/2021/06/17/>.

Temu Bual

- Marlinah Muhidin. 42 Tahun. Masyarakat Bugis. Kampung Tinusa 2, Sandakan. 24 Jun 2024.
- Siam Malan Media. 58 Tahun. Masyarakat Bugis. Kampung Tinusa 2, Sandakan. 24 Jun 2024.